

Bajet 2017 mesra rakyat, perniagaan

KUALA LUMPUR 10 Okt. - Bajet 2017 yang akan dibentangkan 21 Oktober ini dijangka lebih mesra rakyat dan perniagaan dengan tumpuan bakal diberikan kepada golongan berpendapatan 40 peratus terendah (B40).

Menurut nota penyelidikan Affin Hwang Capital, selain peruntukan yang lebih tinggi bagi Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) untuk golongan berpendapatan di bawah RM3,000, antara strategi lain yang dicadangkan adalah merangsang penggunaan swasta dan permintaan domestik.

Jelas nota itu, insentif bagi mengurangkan tekanan kos yang semakin meningkat dihadapi oleh perniagaan untuk menyokong keuntungan korporat juga dijangka diberi perhatian dalam pembentangan bajet pada kali ini.

"Dalam Bajet 2017, kerajaan dijangka terus berusaha menangani beberapa masalah struktur dan kelemahan ekonomi negara, seperti defisit belanjawan berterusan dan

UM 11/10
juga sedikit sebanyak daya saing negara dalam menarik pelaburan.

"Walau bagaimanapun, seperti yang dijangka, pengagihan bantuan wang tunai kepada isi rumah melalui BR1M diteruskan dalam Bajet 2017 dengan kemungkinan pemberian wang tunai lebih tinggi.

"Ini juga akan menjadi satu insentif untuk mengurangkan beban cukai ke atas isi rumah kesan daripada cukai barang dan perkhidmatan (GST)," menurut nota itu di sini hari ini.

Tambah Affin Hwang Capital, Bajet 2017 juga bakal memberi tumpuan kepada pembeli rumah pertama terutamanya pembelian rumah kos rendah.

Jelas firma penyelidikan itu, sebelum ini Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani berkata, cadangan untuk meningkatkan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dalam Akaun Dua daripada 30 peratus kepada 40 peratus sedang dijalankan, di mana

pencarum boleh mengeluarkan simpanan tersebut untuk pembelian rumah mampu milik.

"Kami percaya bank-bank juga akan memperkenalkan beberapa bentuk pakej pinjaman gadai janji untuk pembeli rumah kali pertama membeli rumah mampu milik kos rendah," katanya.

Dalam pada itu Affin Hwang Capital berpendapat, walaupun kerajaan boleh mengurangkan peruntukan perbelanjaan operasi, perbelanjaan bersih pembangunan dijangka kekal tinggi iaitu RM45 bilion dalam Bajet 2017 sama seperti tahun ini, untuk memberi rangsangan kepada pengembangan ekonomi.

"Kerajaan juga dijangka memperuntukkan perbelanjaan lebih tinggi bagi perkhidmatan pembangunan sosial yang lebih baik seperti meningkatkan kemudahan kesihatan dan pendidikan serta mewujudkan bekalan mencukupi bagi perumahan kos rendah mampu milik dan sukan," jelasnya.